

UCAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM
DI MAJLIS SYARIKAT SINGER PADA
28HB. NOVEMBER, 1972 JAM 3.30 PTG.
DI SELANGOR CLUB, KUALA LUMPUR

Tuan Pengurus Singer Industries Senderian Berhad,
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya berasa berbesar hati kerana telah diundang untuk bersama-sama di Majlis ini menyaksikan "Pertunjukan Untuk Wanita" yang telah diadakan oleh Syarikat Singer bersempena dengan pelancaran mesyin jahit baharu "Menjahit Bila Tersentuh".

Saya difahamkan bahawa dalam majlis ini Syarikat Singers akan mendermakan mesyin-mesyin jahit serta lain-lain sumbangan kepada badan-badan kebajikan sukarela di bawah kelolaan Majlis Pusat Kebajikan Malaya. Ini adalah langkah yang sebaik-baiknya dan saya berharap Syarikat Singers akan memperluaskan lagi kegiatan-kegiatan mereka dalam bidang perkhidmatan masyarakat dan kebajikan.

Dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan kemasyarakatan dan kebajikan, penyertaan dan sokongan orang ramai adalah satu faktor yang penting serta perlu. Pada pendapat saya, pihak swasta boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha menggalakkan penyertaan yang giat daripada orangramai dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan ini. Syarikat-syarikat, sebagai pusat-pusat aktiviti-aktiviti ekonomi, boleh bertindak sebagai ejen yang mempergerakkan serta melahirkan kegiatan-kegiatan kemasyarakatan. Syarikat-syarikat boleh melahirkan kesedaran tentang perimustahaknya memainkan peranan yang lebih berkesan di dalam perkembangan perkhidmatan masyarakat dan kebajikan, dan seterusnya menyesuaikan sikap dan pemikiran mereka sejajar dengan keperluan-keperluan masyarakat. Dengan kesedaran ini, saya berharap pihak swasta akan mengambil peranan yang lebih luas dan berkesan dengan sikap kesanggupan yang penuh dan kejujuran untuk membantu dan mempergiatkan lagi segala usaha perkhidmatan kemasyarakatan dan kebajikan yang diselenggarakan oleh Kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela. Ini boleh dicapai jika syarikat-syarikat merangkakan rancangan-rancangan yang tertentu bagi memberi sumbangan kepada perkhidmatan kemasyarakatan dan kebajikan.

Oleh itu saya fikir faktor perancangan ke arah tujuan ini eloklah dijadikan sebagai sebahagian daripada polisi pentadbiran tiap-tiap syarikat. Rancangan-rancangan yang ditetapkan itu hendaklah luas serta realistik. Usaha-usaha yang dilancarkan hendaklah kekal dan berlanjutan supaya dapat menghasilkan faedah yang dalam jangka panjang dan yang bermakna. Dalam perkara ini,

Kementerian saya dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sedia memberi nasihat teknik dan profesyenal jika perlu.

Sebaliknya pula, saya berharap projek-projek perkhidmatan kemasyarakatan dan kebajikan itu tidak akan dilaksanakan dengan tujuan untuk mendatangkan pablisiti kepada hasil keluaran sesuatu syarikat sahaja, dan tidak akan dipergunakan sebagai satu kempen pemasaran. Projek-projek sedemikian hendaklah diusahakan dengan penuh keikhlasan dan kejujuran dan penyertaan syarikat-syarikat hendaklah merupakan penglibatan dengan ertikata yang sebenarnya. Pada pendapat saya, ukuran kejayaan yang sebenarnya bagi sesuatu syarikat bukanlah terhad kepada keuntungan kewangan sahaja, bahkan termasuk juga sejauh mana syarikat itu dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

Dalam strateji bahru pembangunan Kerajaan, sektor swasta mempunyai peranan yang penting. Kejayaan melaksanakan Dasar Ekonomi Bahru adalah bergantung pada kerjasama dan sokongan yang kuat daripada pihak swasta. Objektif-objektif pihak swasta hendaklah bersetuju dengan cita-cita negara untuk membina satu masyarakat yang maju dan adil, yang melambangkan satu rupa bangsa dan identiti nasional. Saya berharap sektor swasta akan meneruskan perkembangan yang dinamis dan membantu usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai matalamat-matalamat negara. Dengan penyatuan usaha yang sepenuhnya daripada pihak swasta, cita-cita negara akan tercapai dan rakyat di negara ini akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih mewah dan makmur.

Mengenai ancaman bencana banjir yang kian berlaku dari setahun ke setahun, saya berharap juga bahawa Syarikat Singers dan Syarikat-syarikat yang lain akan menggalakkan angguta-angguta kakitangannya menyumbangkan masa dan tenaga secara sukarela dalam operasi-operasi bantuan dalam masa berlakunya bencana banjir. Mereka yang sanggup memberi bantuan seumpama ini hendaklah mendaftarkan diri dengan Jabatan-jabatan Kebajikan tempatan atau dengan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengawalan bantuan bencana banjir.

Sekianlah sahaja ucapan saya, dan dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran kempen "Menjahit Bila Tersentuh" anjuran Syarikat Singers ni.

Terimakasih.